

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Sektor awam jadi tumpuan graduan

**M**aklumat daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) seperti yang disiarkan dalam media massa baru-baru ini menunjukkan 1.1 juta pencari kerja yang berdaftar dengan agensi itu sedang menunggu untuk diserapkan dalam mana-mana Kementerian, jabatan atau agensi kerajaan tahun ini sama ada secara tetap atau kontrak.

Tahun lalu (2012) SPA menerima sebanyak 832,701 permohonan dari seluruh negara. Statistik ini jelas menunjukkan semakin ramai termasuk graduan berminat menyertai sektor awam.

Bagi menguar-uarkan kekosongan jawatan, difahamkan SPA mengiklankannya dalam surat khabar dan televisyen selain hebahan menerusi portal serta laman Facebook dan Twitter supaya lebih ramai calon mendapat akses kepada iklan pengambilan SPA.

Pada masa ini perkhidmatan sektor awam didapati menjadi minat ramai kepada golongan pencari kerja khususnya lepasan institusi pengajian tinggi (IPT). Dengan kata lain, persaingan untuk mendapat pekerjaan dalam sektor awam masa kini semakin hebat.

Terdapat kira-kira 1.4 kakitangan pelbagai peringkat sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri di selu-

ruh negara. Maklumat yang diperolehi daripada laman web SPA menunjukkan pada masa ini sejumlah 92 jenis jawatan wujud dalam pelbagai kementerian dan agensi kerajaan di negara ini. Jawatan itu memerlukan calon berkelulusan sarjana muda atau sarjana atau doktor falsafah yang berkaitan.

Jawatan itu tergolong dalam kumpulan perkhidmatan pengurusan dan profesional. Contohnya, akauntan, arkitek, juruxray, juruukur, pegawai farmasi, pegawai perubatan, pegawai tadbir dan diplomatik (PTD), pegawai

perancang bandar dan desa, pegawai sains, pegawai syariah dan pegawai kastam.

PTD misalnya, merupakan antara kerjaya perkhidmatan awam yang diminati lulusan universiti, malah jika pelajar berhasrat untuk sampai ke puncak dalam perkhidmatan itu maka, pilihlah kerjaya PTD.

Sementara itu, sebanyak 79 jenis jawatan lain memerlukan calon berkelulusan peringkat diploma atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau setaraf. Jawatan kosong itu terdapat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan, serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Mungkin bakal graduan ingin mengetahui apakah kelebihan yang diperoleh oleh pegawai dan penolong pegawai yang menceburi sektor awam. Walaupun gaji dan elaunnya tidaklah setanding sektor swasta, namun kelebihannya amat banyak diterima oleh penjawat awam sama ada ketika berkhidmat atau bersara. Antaranya:

- Pekerjaan di sektor awam lebih terjamin. Setiap pekerja dalam sektor ini dijamin dan dilindungi oleh kerajaan.
- Gaji permulaan yang agak tinggi selain pelbagai elaun seperti elaun khidmat awam, elaun perumahan dan elaun sara hidup.

- Kakitangan awam mendapat faedah seperti pinjaman pembelian rumah, kenderaan dan komputer dengan kadar bayaran perkhidmatan yang rendah (pada masa ini 4 peratus sahaja).
- Bekerja lima hari seminggu dengan sembilan jam sehari.
- Cuti rehat tahunan dan cuti bersalin selain cuti khas menunaikan fardu haji.
- Kemudahan rawatan perubatan di hospital atau klinik kerajaan/swasta.
- Calon boleh memilih skim pencen atau caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- Organisasi mencarum dalam KWSP jika memilih skim ini.
- Setiap tahun ada bayaran bonus/imbuan khas jika kewangan kerajaan mengizinkan.
- Pegawai akan dinaikkan pangkat berdasarkan pengalaman, kecemerlangan perkhidmatan dan kekosongan jawatan.
- Berpeluang meningkatkan tahap akademik dan profesion melalui latihan dan pendidikan sehingga doktor falsafah.
- Khidmat pekerja mungkin akan dilanjutkan secara kontrak jika keperluan perkhidmatan sangat kritikal misalnya doktor dan pensyarah.

- Pegawai yang bersara bakal menerima sejumlah gratuiti iaitu ganjaran berupa wang tunai yang diberikan oleh kerajaan sebagai penghargaan kepada perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang tempoh bekerja. Pegawai juga mendapat bayaran daripada faedah gantian cuti rehat (maksimum 150 hari).
- Pegawai yang bersara juga mendapat bayaran pencen bulanan berdasarkan jumlah bulan perkhidmatan (maksimum 360 bulan). Contohnya, jika gaji pokok di akhir perkhidmatan ialah RM6,000, bermakna kadar pencen yang bakal diterima adalah RM3600 sebulan iaitu 60 peratus daripada gaji pokok terakhir.
- Pesara akan menikmati rawatan di klinik dan hospital kerajaan secara percuma.
- Pesara kerajaan juga menikmati potongan bayaran untuk pengangkutan awam termasuk bas, kereta api dan kapal terbang.

Kesimpulannya, terdapat banyak kelebihan apabila berkhidmat dalam sektor awam dan waktu bersara yang mungkin menyebabkan semakin ramai graduan tertarik untuk memohon pekerjaan dalam perkhidmatan ini.